

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI)

TARIKH: 14 OGOS 2019

MUKA SURAT: 8

EGERI

UTUSAN MALAYSIA • RABU 14 OGOS 2019

## Selepas 10 hari hilang, Nora Anne ditemukan mati

■ NILAI 13 OGOS

**S**ELEPAS 10 hari hilang, remaja Ireland, Nora Anne Quoirin ditemukan mati kira-kira 2 kilometer dari resort The Dusun, Pantai di Seremban hari ini.

Mayat Nora Anne disahkan oleh ahli keluarganya malam ini di Hospital Tuanku Jaafar (HTJ).

Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Mazlan Mansor pada sidang akhbar di Balai Polis Pantai berkata, mayat itu ditemukan sepasukan pendaki sukarelawan yang menyertai operasi mencari dan menyelamat (SAR) pada 1.57 tengah hari berhampiran anak sungai, kira-kira 2.5 kilometer dari resort Nora Anne, 15, dilaporkan hilang.

Mayat dibawa keluar daripada lokasi menggunakan helikopter dan terus diterbangkan ke HTJ.

Mazlan berkata, mayat itu ditemukan dalam keadaan tidak berpakaian dan enggan mengu-



**SEBUAH** kenderaan forensik polis keluar dari lokasi satu mayat wanita ditemukan ketika operasi mencari Nora Anne Quoirin di Pantai, Negeri Sembilan semalam. - UTUSAN/AZRUL EDHAM MOHD AMINUDDIN

las sama ada terdapat sebarang kecederaan pada tubuh mayat berkenaan dan menegaskan perlu menunggu laporan bedah siasat.

Ditanya pemberita adakah kawasan penemuan mayat itu pernah dicari sebelum ini, Mazlan berkata, kawasan itu

adalah sebahagian daripada kawasan pencarian.

"Kita sudah cari di kawasan itu dua kilometer, empat kilometer dan enam kilometer dan kemudian berpatah balik...kita 'on and off' cari di kawasan itu.

Ditanya adakah kemungkinan kes disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan, Mazlan berkata, siasatan masih di bawah kes orang hilang.

Mazlan berkata, perkembangan kes itu akan dimaklumkan oleh Ketua Polis Negeri Sembilan Datuk Mohamad Mat Yusop.

Terdahulu, Mazlan turut meninjau lokasi penemuan mayat serta bertemu dengan keluarga Nora Anne.

Nora Anne disedari hilang daripada bilik penginapannya di sebuah resort di Pantai oleh keluarganya pada 8 pagi 4 Ogos.

Remaja yang mengalami masalah pembelajaran itu tiba bersama keluarganya di Malaysia pada 3 Ogos untuk percutian dua minggu di negara ini.